

BAB TIGA

BAB 3

ASET MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

3.1 PENGENALAN

Bab ketiga memaparkan tentang konsep asset dalam Islam, nilai asset, penggunaan asset menurut Islam dan contoh-contoh penghayatan *al-sakhā'*.

3.2 KONSEP ASET DALAM ISLAM

Aset boleh didefinisikan sebagai wang tunai dan harta benda seperti tanah, bangunan dan lain-lain yang dimiliki oleh individu, syarikat, pertubuhan dan sebagainya.¹ Ia juga boleh dimaksudkan dengan sesuatu ciri sifat istimewa dan seumpamanya yang bernilai atau berguna pada seseorang dan lain-lain.² Perkataan asset atau dalam bahasa Inggeris disebut *asset* membawa maksud harta,³

¹ *Kamus Dewan* (1994), edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 67; *Kamus Malaysiana* (1995), j. 14. Shah Alam, Selangor: Anzargain Sdn. Bhd., hlm. 26; *Ensiklopedia Malaysiana* (1995), j. 2. Shah Alam, Selangor: Anzargain Sdn. Bhd., hlm. 70; N.S.Doniach (ed.) (1972), *the Oxford English-Arabic Dictionary of Current Usage*. Walton Street, Oxford: Oxford University Press, hlm. 69.

² *Kamus Dewan* (1994), *loc.cit.*; *Kamus Malaysiana* (1995), *loc.cit.*

³ *Kamus Inggeris-Melayu Dewan* (1992). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 95; Mohd Azani Ghazali & Abdul Aziz Hassan (ed.) Yahya (1997), *English-Arabic Concise Dictionary*. Johor Bahru, Johor: Perniagaan Jahabersa, hlm. 13.

sesuatu yang berharga⁴, kualiti atau kemahiran yang bermilai,⁵ harta benda yang dimiliki oleh seseorang, syarikat dan sebagainya yang bernilai dan boleh digunakan, dijual untuk menjelaskan hutang.⁶

Di dalam kehidupan ini manusia sanggup bekerja dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memiliki aset terutamanya harta benda. Untuk mendapatkan harta sebahagian besar manusia berusaha dan berjuang sehingga kadangkala sampai di luar keupayaannya, kerajaan bertukar menjadi republik, pertumpahan darah berlaku, nyawa manusia melayang dan sebagainya.⁷ Jelas bahawa harta tidak akan dimiliki tanpa adanya usaha dan perjuangan.⁸ Tidak dapat dinafikan bagi menyara hidup manusia pada hari tua, ketika sakit dan sebagainya mereka perlu menyimpan sebahagian daripada aset yang diperolehi sama ada daripada hasil pendapatan atau pencarian. Tabiat suka menyimpan ini terus berkembang dari sedikit kepada banyak dalam pelbagai bentuk sesuai dengan peredaran dan perkembangan zaman. Persoalannya adakah manusia itu dapat memiliki seluruh hasil usahanya serta seluruh hasil simpanannya itu dan adakah mereka memiliki sebagai hak milik yang penuh dan mutlak.

⁴ Kamus Inggeris-Melayu Dewan (1992), *loc.cit.*

⁵ A.S.Hornby (2000), terj. Prof. Dato' Dr. Asmah Haji Omar, *Oxford Fajar: Advanced Learner's English-Malay Dictionary*. Shah Alam, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm. 88; *The American Heritage Desk Dictionary* (1981). Boston: Houghton Mifflin Company, hlm. 62; N.S.Doniach (ed.) (1972), *loc.cit.*

⁶ A.S.Hornby (2000), terj. Prof. Dato' Dr. Asmah Haji Omar, *loc.cit.*; *Longman Dictionary of the English Language* (1985). England: Longman Group Limited, hlm. 86; Norman Lewis (ed.) (1978), *the New Roget's Thesaurus of English Language in Dictionary Form*. New York: G.P. Putnam's Sons, hlm. 46; *The American Heritage Desk Dictionary* (1981), *loc.cit.*

⁷ Muhammad Husain Haekal (1995), terj. Ali Audah, *Sejarah Hidup Muhammad*, cet. 18. Bogor Baru: P.T. Pustaka Litera AntarNusa, hlm. 659.

⁸ Abd al-Nā'im Ḥasnīn (1986), *al-Insān wa al-Māl fī al-Islām*. T.T.P.: Dār al-Wafā', hlm. 107.

Berdasarkan kepada dalil-dalil dan maklumat yang logik dapatlah disimpulkan bahawa semua aset adalah hak milik Allah s.w.t. dan ia merupakan kurniaan-Nya kepada para hamba-Nya. Manusia hanya sekadar boleh mengambil dan menikmati manfaatnya sahaja. Kesimpulan ini adalah berdasarkan kepada kenyataan bahawa Allah s.w.t. yang menciptakan langit dan bumi serta seluruh kandungannya dan seluruh benda yang wujud di ruang sempadan langit dan bumi. Dia juga memiliki segala sesuatu sama ada yang kecil ataupun besar yang mempunyai nilai ekonomi dan yang tidak mempunyai sebarang nilai ekonomi. Malahan Dia memiliki seluruh isi langit dan bumi secara bersendirian sahaja, tanpa berkongsi dengan sesiapa sama ada dari kalangan manusia atau bukan manusia.

Namun begitu, Allah s.w.t.: telah memberikan limpah kurnia kepada umat manusia untuk memakmurkan bumi ini, melantik mereka sebagai khalifah, memberi pelbagai kemudahan untuk mereka terokai isi bumi dan langit serta memberi kuasa kepada mereka untuk membongkar seluruh kandungannya sekadar kemampuan dan keupayaan mereka.⁹ Dalam hal ini Allah s.w.t. berfirman dalam surah al-Mâ' idah ayat 17 yang berbunyi:

وَلِلّٰهِ مُلْكُ الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ
وَاللّٰهُ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya:

Kepunyaan Allah s.w.t. juga kuasa pemerintahan langit dan bumi dan segala yang ada di antara keduanya. Dia menciptakan apa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.

⁹ Abdul Kadir Audah (1983), terj. Salahuddin Abdullah, **Harta dan Pemerintahan dalam Islam**. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, hlm. 55 – 58.

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Isrā' ayat 111 pula berbunyi:

وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ وَلِيٌّ مِنَ الْذُلِّ
وَكَبِيرٌ تَكْبِيرًا

Maksudnya:

Dan tiada sekutu bagi-Nya di dalam urusan kerajaan-Nya dan tidak mempunyai penolong (untuk menjaga-Nya) dari kehinaan dan agungkanlah Dia dengan pengagungan sebesar-besarnya.

Ayat ini menerangkan bahawa Allah s.w.t. tidak mempunyai sekutu dalam kerajaan-Nya. Juga diterangkan tiada seorangpun di antara orang-orang yang hina diberi-Nya kekuasaan yang akan melindunginya dari musuh yang menghinanya. Kemudian Nabi s.a.w. diperintahkan untuk mengagung-agungkan Allah s.w.t. sama ada dengan perkataan atau perbuatan.¹⁰

Seterusnya firman Allah s.w.t. dalam surah al-Jāthiyah ayat 13 berbunyi:

وَسَخَّرَ لَكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعاً مِنْهُ
إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya:

Dan Dia memudahkan (untuk faedah dan kegunaan) kamu segala yang ada di langit dan yang ada di bumi (semuanya sebagai rahmat pemberian) daripada-Nya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah s.w.t.) bagi kaum yang berfikir.

¹⁰ H.Bustami A.Ghani *et.al* (penyusun) (1993), *Al-Quran dan Tafsirnya*, j. 5. Semarang: PT Citra Efhar Ltd, hlm 678; Ahmad Mustafà al-Marâghi (t.t.), *Tafsîr al-Marâghi*, j. 5. Beirut: Dâr al-Fikr, hlm 111.

Walau bagaimanapun, segala aset sama ada berbentuk kekuasaan, harta dan lain-lain yang menjadi kepunyaan manusia hanyalah sekadar barang pinjaman sahaja dan mereka berperanan sebagai wakil atau pengganti. Segala kekuasaan dan kemewahan yang dinikmati adalah merupakan keizinan dan kurniaan Allah s.w.t. yang telah meminjamkan untuk sementara waktu kepada mereka. Allah s.w.t. telah memerintahkan seluruh umat manusia agar memberikan sumbangan dari segala kurniaan yang diwakil dan diletak di bawah jagaan mereka. Allah s.w.t. tidak memberi kebebasan sepenuhnya kepada mereka terutama sekali mengenai hartanya malahan Dia melahirkan kehairanan-Nya terhadap sikap kedekut mereka kerana apa yang mereka belanjakan itu adalah merupakan hasil rezeki kurniaan-Nya.¹¹

Kesimpulannya, segala aset yang dimiliki oleh manusia di atas muka bumi ini adalah merupakan kurniaan Allah s.w.t. dan ia hanya bersifat pinjaman sementara sahaja. Manusia dipertanggungjawabkan untuk memanfaat serta menafkahkannya pada jalan yang disyariatkan dan mengagih-agihkan serta dikongsi bersama sesama mereka. Dengan cara ini mereka akan mendapat ganjaran yang besar dan keredaan dari Allah s.w.t.

¹¹ Abdul Kádir Audah (1983), terj. Salahuddin Abdullah, *op.cit.*, hlm. 63; Mustafa Haji Daud (1991), *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., hlm. 118; Yusuf al-Qardífawí (2000), terj. Mohammad Zaini Yahaya, *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam yang Kita Idamkan*. Bandar Baru Bangi, Selangor: Penerbitan Seribu Dinar, dengan kerjasama al-Syabab Media, hlm. 299 & 300.

3.3 NILAI ASET

Segala aset yang dimiliki manusia sama ada berbentuk harta, wang ringgit, ilmu, kepintaran, keberanian, kekuatan dan sebagainya mempunyai nilai yang tinggi. Ia boleh menjadi baik atau buruk berdasarkan kepada bagaimana cara si pemilik memanfaatkannya. Bagi individu yang mengetahui tentang faedah aset dan bahayanya tentulah mudah untuk menjauhkan diri dari bahaya aset tersebut serta memperolehi faedah dan kebijakannya daripadanya. Harta benda atau wang ringgit contohnya, mempunyai dua faedah iaitu faedah keduniaan dan faedah keakhiratan atau keagamaan. Faedah dunia sudah nyata dan jelas bagi sekalian manusia kerana mereka telah melalui penggunaannya semenjak kecil lagi terutama dalam urusan hidup sehari-hari manakala faedah keakhiratan tersimpul dalam tiga perkara.

Pertama: Harta yang dibelanjakan untuk kepentingan diri sendiri sama ada dalam hal-hal peribadatan seperti perjalanan untuk menunaikan haji atau menuntut ilmu, membayar zakat dan lain-lain ataupun digunakan untuk hal-hal yang akan menyempurnakan ibadah seperti makanan, minuman, pakaian, penginapan, perkahwinan dan lain-lain keperluan hidup. Perbelanjaan ini dinamakan ibadah kerana tanpa perkara itu mungkin seseorang itu tidak dapat

menyempurnakan ibadah pokoknya. Ringkasnya, segala perkara yang menyempurnakan ibadat adalah ibadat.¹²

Kedua: Harta yang dibelanjakan untuk kegunaan orang lain. Ia terbahagi kepada empat bahagian iaitu sedekah; menjaga maruah dan kedudukan yakni membelanjakan harta kepada orang-orang yang berada atau orang yang berpangkat dan terhormat dalam kalangan masyarakat dengan mengadakan undangan makan, memberi hadiah atau bantuan dan sebagainya; melindungi diri atau kehormatan dari bencana orang lain seperti memberikan wang kepada penyair supaya tidak mengatanya di dalam syair-syairnya, menghalang orang-orang yang tidak waras pemikirannya dari mencaci makinya, menghindarkan diri dari kejahanat-kejahanat mereka yang kemungkinan dirancangkan untuk mengkhianatinya dan lain-lain; dan mengupah kerana perkhidmatan yakni membelanjakan harta kerana menggaji pelayan atau membayar upah orang yang memberikan perkhidmatan yang diperlukan kepadanya. Ini kerana sekiranya seseorang itu menguruskan sendiri semua kerja tersebut maka terbuanglah masanya untuk pekerjaan itu dan tidak dapat beribadat atau mengerjakan urusan-urusan lain.

Ketiga: Harta yang dibelanjakan untuk projek-projek tertentu yang membawa kepada maslahat orang ramai seperti membina masjid, mendirikan

¹² Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī (1992), *Iḥyā' Ulūm al-Dīn*, j. 3. Beirut: Dār Qutaibah, hlm. 347 & 348; Al-Ghazālī (1989), terj. Syed Ahmad Semait, *Bimbingan Mu'minin: Pada Mencari Redha Rabbul 'Alamin*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., hlm. 565 & 566; Johari Haji Alias (1994), *Mengurus Keduniawan: Qanā'ah (Redha), Miskin, Kaya, Mewarnakan Cara Hidup Umat Islam*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, hlm. 52 & 53; Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (1994), *Maw'izah al-Mu'minīn min Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, cet. 8. Beirut: Dār al-Nafā'is, hlm. 332.

jambatan, membangunkan rumah tumpangan, sekolah, hospital dan seumpamanya. Biasanya perbelanjaan seperti ini disebut sebagai khairat, wakaf atau amal jariah.¹³

Manakala bencana harta terbahagi kepada dua perkara iaitu berkaitan dengan urusan agama dan dunia. Bencana harta berkaitan dengan urusan agama ini terbahagi kepada tiga perkara. Pertama: Apabila harta itu mendorong pemiliknya untuk melakukan berbagai-bagai maksiat dan menceburkan diri ke dalam kecurangan. Kebanyakan angan-angan nafsu manusia mendapat kekuatan kerana harta. Oleh itu fitnah harta lebih besar daripada fitnah kemiskinan.¹⁴

Kedua: Harta itu mendorong seseorang untuk menurutkan hawa nafsu dan keinginan dalam mengecap berbagai-bagai kenikmatan yang diharuskan secara berlebihan dan melampaui batas. Ini kerana kemungkinan pada suatu masa nanti apabila seseorang itu tidak mampu lagi menanggung perbelanjaan bagi meneruskan kemewahan hidup yang berlebihan itu maka dia akan mendapatkannya melalui cara yang haram.

Ketiga: Sekiranya urusan memperbanyakkan harta itu melalaikan dirinya dari mengingati Allah s.w.t.disebabkan keterlaluan mencintai harta itu. Segala

¹³ Al-Ghazālī (1992), *op.cit.*, j. 3, hlm. 348 & 349; Al-Ghazālī (1989), terj. Syed Ahmad Semait, *op.cit.*, hlm. 566 - 568; Johari Haji Alias (1994), *op.cit.*, hlm. 53 – 56; Al-Qāsimī (1994), *op.cit.*, hlm. 332 & 333.

¹⁴ Al-Ghazālī (1992), *op.cit.*, j. 3, hlm. 349; Al-Ghazālī (1989), terj. Syed Ahmad Semait, *op.cit.*, hlm. 568; Johari Haji Alias (1994), *op.cit.*, hlm. 58; Mohammad Zakariya (1991), terj. Humayun Chowdhury, *Fadzail Sadaqat (Kelebihan Sadaqah)*, j. 2. Jerteh, Terengganu: Pustaka Timur, hlm. 74.

usaha dan pekerjaan yang dapat mempengaruhi manusia dari mengingati Allah s.w.t. adalah merupakan usaha yang merugikan.¹⁵

Bencana harta berhubungan dengan urusan dunia terlalu banyak, contohnya bimbang kehabisan harta, berasa sedih atau bimbang apabila harta tidak bertambah, sukar untuk menjelaskan hutang orang, bekerja dengan bertungkus-lumus untuk menambah harta dan menahannya dari berbelanja, sentiasa memikirkan cara-cara untuk bertindak terhadap rakan kongsi dan lain-lain lagi.

Jadi, keindahan harta ialah dengan mengumpulkannya dari sumber-sumber yang halal serta membelanjakannya pula kepada perkara-perkara kebijakan dan projek-projek yang mendatangkan manfaat umum. Selain itu, harta kekayaan sentiasa merupakan racun dan bencana dunia kepada umat manusia.¹⁶

Di samping harta, ilmu dan ciri-ciri keistimewaan atau kemahiran yang dimiliki oleh seseorang individu juga boleh mendatangkan kebaikan atau keburukan kepadanya bergantung kepada cara seseorang itu mengendalikannya. Contohnya dalam melaksanakan aktiviti berorganisasi, dalam kerja berkelompok ini setiap orang menggunakan potensi dan keistimewaan sendiri untuk

¹⁵ Al-Ghazālī (1992), *op.cit.*, j. 3, hlm. 349 & 350; Al-Ghazālī (1989), terj. Syed Ahmad Semait, *op.cit.*, hlm. 568 & 569; Johari Haji Alias (1994), *op.cit.*; hlm. 59 – 62; Al-Qāsimī (1994), *op.cit.*, hlm. 333.

¹⁶ Al-Ghazālī (1992), *op.cit.*, j. 3, hlm. 350; Al-Ghazālī (1989), terj. Syed Ahmad Semait, *op.cit.*, hlm. 569.

menyumbangkan keilmuan dan kemahirannya untuk pembangunan secara kolektif untuk mencapai wawasan yang dipersepakati bersama.¹⁷

Orang yang berilmu tetapi tidak diamalkan ilmunya umpama manusia yang lumpuh. Ia mempunyai segala idea untuk pembangunan manusia tetapi tidak berupaya untuk bergerak, maka ilmu yang dimilikinya tidak mendatangkan faedah kepadanya. Disebabkan kemampuannya berkomunikasi amat terhad, sukar baginya untuk menyalurkan ilmunya kepada masyarakat. Pandangan dan pendapat yang ada padanya juga tidak dapat dicatat kerana anggota tangannya tidak mampu berbuat demikian. Berbeza dengan orang yang berilmu dan memanfaatkan ilmunya untuk kepentingan pembangunan manusia, dikategorikan sebagai manusia yang hidup. Cintanya kepada ilmu telah membentuk dirinya sebagai manusia yang bertanggungjawab melakukan perubahan terhadap masyarakat supaya lebih peka memahami peranan sebagai ahli masyarakat yang membudayakan kemuafakatan untuk membentuk kestabilan persaudaraan kemanusiaan.¹⁸ Ilmu yang digunakan untuk kepentingan orang lain akan menjadi bertambah mantap dalam diri seseorang kerana tiada ilmu yang akan berkurangan apabila diajarkan kepada orang lain.¹⁹

Dari keterangan di atas, dapat difahami bahawa dalam mengembangkan ilmu dan berorganisasi, umur atau masa dan tenaga yang dicurahkan adalah merupakan aset. Dalam surah al-'Asr, Allah s.w.t. telah bersumpah dengan masa.

¹⁷ Mohd Yusof Othman (1998), *Isu-isu dalam Ilmu dan Pemikiran*. Kajang, Selangor: Aras Mega (M) Sdn. Bhd., hlm. 128 & 129.

¹⁸ Mohd Farid Linggi (1998), *Kehidupan dalam Tiga Dimensi*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada, hlm. 279 - 281.

¹⁹ *Ibid.*, hlm. 372.

Ini menjelaskan bahawa umur yang dikurniakan Allah s.w.t. sekiranya tidak dimanfaatkan terutamanya untuk beriman dan beramal salih menjadi satu kerugian yang besar kepada insan.

3.4 PENGGUNAAN ASET MENURUT ISLAM

Bagi orang yang kaya dan berharta mereka boleh membantu orang yang miskin melalui harta yang mereka miliki manakala orang miskin pula boleh menyumbangkan bantuan dalam bentuk khidmat.²⁰ Setiap orang Islam wajib membelanjakan harta kekayaan masing-masing mengikut hukum-hukum yang telah ditentukan oleh agama. Perbelanjaan yang terpuji adalah sederhana di antara pembaziran dan kebakilan. Perbelanjaan dermawan adalah perbelanjaan untuk amal bakti yang nantinya akan menambahkan pahala serta untuk kesempurnaan dan kebahagiaan hidup di akhirat.²¹ Di antara cara-cara aset amnya dan harta khasnya dibelanjakan ialah:

3.4.1 Sedekah

Sedekah ialah fitrah, pemberian kepada fakir miskin, derma, bantuan berupa wang, dana, kenduri, jamuan khairat dan kebajikan.²² Ia juga bererti suatu amalan kebajikan yang berupa wang, benda atau lain-lain yang diberikan oleh

²⁰ Siti Mariam Hj. Adam (1997), *Timbangan Amal dari Kamus Orang Soleh*. Johor Bahru, Johor: Perniagaan Jabbersa, hlm. 379.

²¹ Al-Ghazālī (1989), terj. Syed Ahmad Semait, *op.cit.*, hlm. 582; Johari Haji Alias (1994), *op.cit.*, hlm. 98.

²² *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (1995). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., hlm. 1634.

seseorang kepada golongan fakir miskin atau orang yang berhajat dan memerlukan bantuan.²³ Sedekah juga adalah pemberian yang diberikan oleh seseorang muslim kepada orang lain secara spontan dan sukarela tanpa dibatasi oleh masa, kadar dan jumlah. Ia sebagai kebajikan yang mengharapkan keredaan dan pahala semata-mata.²⁴ Menurut al-Hafiz Ibn Rajab dalam kitabnya *Jāmi' al-'Ulu'm wa al-Hukm* bahawa Rasulullah s.a.w. telah memberitakan bahawa seluruh bentuk kebaikan dan keihsanan adalah sedekah iaitu berpahala.²⁵ Di dalam kitab *Sahīh Muslim*, Huzaifah dan Abū Shaibā menyebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. menyatakan bahawa setiap perkara yang baik itu sedekah.²⁶ Hadis Rasulullah s.a.w. berbunyi:

١٣٣٨٨ - حدثنا عبد الله حدثني أبي ثنا يونس قال: ثنا أبو عوانة عن قتادة عن أنس قال: قال رسول الله ﷺ: (مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا، أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ بَهِيمَةً، إِلَّا كَانَ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ).
27

Maksudnya:

'Abd Allāh menceritakan kepada kami, bapaku menceritakan kepadaku, Yūnus menceritakan dengan berkata: Abū 'Awānah menceritakan daripada Qatādah, daripada Anas berkata: Sabda Rasulullah s.a.w.: "Sesiapa dari kalangan orang Islam yang bercucuk tanam dengan satu tanaman tertentu kemudian tanamannya itu dimakan oleh burung, manusia atau binatang ternakan, kecuali baginya semua itu sedekah"

²³ Mahayudin Hj. Yahaya (1988), *Ensiklopedia Sejarah Islam*, j. 4. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 1196; *Ensiklopedia Malaysiana*. (1995), *op.cit.*, j. 11, hlm. 407; *Ensiklopedia Islam* (1998), j. 9. Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Ensiklopedia Malaysia, hlm. 154.

²⁴ *Ensiklopedia Islam*, (1994), j. 4, cet. 3. Jakarta: PC Ichtiar Baru Van Hoere, hlm. 259.

²⁵ Al-Ghazālī (1994), ed. Abdulllah al-Qari Haji Salleh, *Aneka Amalan Manfaat Selepas Mati*. Kuala Lumpur: Dinie Publishers, hlm. 76.

²⁶ Muslim (1987), terj. Abdul Hamid Siddiqi, *Sahīh Muslim*, j. 2, cet. 7. New Delhi: Kitab Bhavan, hlm. 482.

²⁷ Ahmad ibn Ḥanbal (1991), *al-Muṣnād*, j. 4. Beirut: Dār al-Fikr, hadis no. 13388, hlm. 456.

Hadis ini menggalakkan umat Islam untuk membangun bumi ini dengan pohon dan tanaman yang dapat dimanfaatkan oleh manusia atau haiwan. Hadis ini juga menjelaskan segala yang dapat dimakan sama ada dari pohon atau tanaman adalah sedekah bagi penanam iaitu mendapat pahala. Dalam hadis ini juga terdapat perintah untuk berusaha menciptakan maslahat dan menyayangi binatang.²⁸

Hadis Rasulullah s.a.w. berbunyi:

٨١١٧ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ آدَمَ، حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُبَارَكٍ، عَنْ مُعْمَرٍ، عَنْ هَمَّامَ بْنِ مُنْبَهٍ، عَنْ أَبِي هَرِيرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ، قَالَ: «الْكَلْمَةُ الْبَيْنَ صَدَقَةٍ، وَكُلُّ خَطْرَةٍ يَمْشِيهَا إِلَى الصَّلَاةِ، أَوْ قَالَ: إِلَى الْمَسْجِدِ، صَدَقَةٌ».

Maksudnya:

'Abd Allah menceritakan kepada kami, bapaku menceritakan kepadaku, Yahya ibn Adam menceritakan kepada kami, Ibn Mubarok menceritakan kepada kami, daripada Ma'mar, daripada Hammam ibn Munabbih, daripada Abu Hurairah, daripada Nabi s.a.w. bersabda: "Perkataan yang lunak adalah sedekah dan setiap langkah menuju kepada sembahyang, atau dikatakan: ke masjid, adalah sedekah".

Dalam kitab *Sahih Bukhari*, hadis Rasulullah s.a.w. yang diceritakan oleh Abu Hurairah menyatakan bahawa sedekah yang lebih besar pahalanya ialah sedekah ketika dalam keadaan sihat dan berkeinginan untuk memiliki³⁰. Sedekah yang dilakukan pada waktu begini besar pahalanya kerana mengingatkan kepada individu yang berkaitan agar melawan hawa nafsunya.

²⁸ Abdul Qadir Aljmad Atha (1999), terj. Syamsudin TU, *Adabun Nabi: Meneladani Akhlak Rasulullah s.a.w.* Jakarta: Pustaka Azzam, hlm. 39.

²⁹ Ahmad ibn Hanbal (1991), *op.cit.*, j. 3. Beirût: Dár al-Fikr, hadis no. 8117, hlm. 186.

³⁰ Muhammad Nasir al-Din al-Albani (1986), *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī*, j. 1, cet. 5. T.T.P.: al-Maktab al-Islāmi, hlm. 334.

Bidang sedekah merupakan jalan nafkah yang amat luas. Ia tidak terhad dan terpulanglah kepada orang Islam itu sendiri dan sikap kedermawannya serta kecintaannya terhadap amalan-amalan kebajikan semata-mata mengharapkan keredaan Allah s.w.t. Harta yang dinafkahkan itu hendaklah merupakan harta yang baik dan Allah s.w.t. milarang melakukan sedekah yang disusuli dengan ungkit-mengungkit serta menyakitkan perasaan pihak penerima kerana semuanya ini akan menghapuskan maksud dari sedekah yang telah dilakukan. Sedekah juga hendaklah dilakukan dengan hati yang ikhlas kerana Allah s.w.t.³¹ Hendaklah bersikap tawaduk iaitu bersederhana dan mengikut kemampuan dalam bersedekah.³² Di samping itu hendaklah ia diberikan dengan wajah yang berseri-seri dan gembira serta pada sasaran yang halal.³³

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah ayat 267 berbunyi:

وَلَا تَيْمِّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِغَايِذِيهِ إِلَّا
أَنْ تُعْمِلُوهُ فِيهِ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ


Maksudnya:

Dan janganlah kamu memilih yang buruk-buruk lalu kamu nafkahkan daripadanya padahal kamu sendiri tidak mahu mengambilnya melainkan dengan memejamkan mata terhadapnya. Dan ketahuilah bahawa Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji.

³¹ Mahmud Muhammad Babilli (1988), terj. Ismail Mohd. Hassan, *Ekonomi dari Kacamata Islam*. Terengganu: Penerbitan Yayasan Islam Terengganu, hlm. 87 – 90.

³² Al-Ḥabīb Muḥammad ibn Abdullāh al-Idrūs (1993), terj. H.Abd. Hadi Basuthanah, *Taqarrub Jalan Mencapai Kebahagiaan Hidup*. Kuala Lumpur: Dinie Publishers, hlm. 115; Abu Bakr Jabir al-Jazā'irī (1996), terj. Drs. Hasanuddin & Didin Hafidhudin, *Pedoman Hidup Muslim*. Kuala Lumpur: Victory Agencie, hlm. 277.

³³ Usmān al-Khaibawī (1989), terj. dr. Syamsudin Manap, *Butir-butir Nasehat*. Kuala Lumpur: Victory Agencie, hlm. 91.

Ayat ini diturunkan berkenaan dengan orang-orang Ansar yang memiliki kebun kurma. Sebahagian daripada mereka mengeluarkan zakat sesuai dengan penghasilannya tetapi ada juga yang enggan melaksanakan sebagaimana sepatutnya. Mereka menyerahkan kurma yang bermutu rendah dan busuk. Ayat ini diturunkan sebagai teguran di atas perbuatan mereka ini.³⁴ Sedekah dapat menghapuskan dosa apabila dilaksanakan mengikut ketentuan-ketentuan Allah s.w.t. seperti mana yang dinyatakan di dalam al-Quran. Di antaranya dapat difahami daripada firman Allah s.w.t. dalam ayat atas, iaitu: Pertama: Orang yang beriman diperingatkan supaya: Bersedekah dengan kurniaan Allah s.w.t. sesuatu yang baik-baik sama ada ia merupakan hasil usahanya sendiri ataupun hasil bumi.

Kedua: Tidak memilih yang tidak elok sedangkan kita sendiri enggan mengambilnya kecuali dengan menutup mata kerana jijik.

Ketiga: Menyedari bahawa Allah s.w.t. itu Maha Kaya dan tidak perlu kepada hamba-Nya. Sedekah yang dilakukan bukarnlah untuk kepentingan Tuhan Yang Maha Kaya tetapi untuk kepentingan dan kebaikan hamba-Nya sendiri sama ada di dunia atau akhirat. Justeru itu dia diberi petunjuk agar dalam berbuat kebaikan dia berusaha untuk melaksanakannya dengan sebaik-baiknya.³⁵

³⁴ A.Mudjab Mahali (1989), *Asbabun Nuzul: Studi Pendalaman al-Quran*. Jakarta: CV Rajawali, hlm. 129; Shaleh et.al (1989), *Asbabun Nuzul: Latar Belakang Historis Turunnya Ayat-ayat al-Quran*, cet. 3. Klang, Selangor: Klang Book Centre, hlm. 83; Jalāluddin al-Suyūthī (t.t.), terj. M.Abdul Mujieb As., *Lubabun Nuqūl fi Asbābun Nuzūl (Riwāyat Turunnya Ayat-ayat al-Quran)*. Kuala Lumpur: Penerbit Darulfikir, hlm. 93.

³⁵ Nurcholish Majid (1995), *Pintu-pintu Menuju Tuhan*, cet. 2. Jakarta Selatan: Penerbit Paramadina, hlm. 212 & 213.

Sedekah kepada kaum kerabat memperolehi dua pahala yang lebih iaitu sedekah dan perhubungan kasih sayang.³⁶ Justeru itu, seseorang yang hendak bersedekah seafdalnya memulakan dengan kaum kerabat dan sanak-saudara yang miskin seterusnya jiran yang berhajat kerana mereka itu lebih utama diberikan sedekah serta bersedekah kepada mereka itu memperolehi lebih banyak dan besar pahalanya. Amalan bersedekah juga hendaklah dilakukan secara rahsia kerana pahalanya berlipat-ganda berbanding dengan pahala sedekah yang berterang-terangan sebanyak tujuhpuluh kali ganda. Sedekah rahsia juga lebih diutamakan kerana ia lebih dekat kepada keikhlasan yang merupakan ruh segala amalan dan boleh menjauhkan dari perasaan riyak yang merosakkan amalan.³⁷ Sedekah yang diberi secara rahsia juga lebih baik jika orang yang memberinya tidak dikenali.³⁸

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah ayat 271 berbunyi:

إِنْ تُبَدِّلُوا الصَّدَقَاتِ فَمَعِمًا هُنَّ وَإِنْ تُخْفُوهَا وَتُؤْثِرُوهَا الْفُقَرَاءَ فَهُوَ
خَيْرٌ لَكُمْ وَإِنْ كَفَرُوا عَنْكُمْ مِنْ سَيِّئَاتِكُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Maksudnya:

Kiranya kamu menampakkan sedekah-sedekah itu, itu pun baik juga. Tetapi jika kamu merahsiakan dan memberikannya kepada faqir-miskin maka itu adalah lebih utama bagi kamu dan ia akan menghapuskan sebahagian dari kesalahan-kesalahan kamu. Dan Tuhan Mengetahui apa yang kamu kerjakan.

³⁶ Muhammed Idris 'Abd al-Ra'uf al-Marbawi (1934), *Bahr al-Madhi*, j. 4. Mesir: Syarikat Maktabah wa Matba'ah Muftafā al-Bābī wa Aulāduhu, hlm. 197.

³⁷ Habib Abdullah Haddad (1988), terj. Syed Ahmad Semait, *Nasihat Agama dan Wasiat Iman*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., hlm. 157 & 158; Al-Nawawi (1991), *Raudah al-Talibin wa 'Amdah al-Mufiin*, j. 2, cet. 3. T.T.P.: al-Maktab al-Islami, hlm. 341.

³⁸ Muftafā Abdullāh (1997), terj. Siti Sujinah Sarnap, *Tafsir Surah al-Fatiyah dan al-Baqarah*. Johor Bahru, Johor: Perniagaan Jahabersa, hlm. 372.

Ayat ini diturunkan sehubungan dengan Sayyidina Abū Bakar dan Sayyidina 'Umar al-Khattāb. Mereka telah membelanjakan harta mereka untuk kepentingan agama. Ayat ini pada dasarnya memuji sikap Sayyidina 'Umar yang menyedekahkan hartanya secara terang-terangan dengan tujuan untuk dicontohi orang lain dan kepada Sayyidina Abū Bakar yang menyedekahkan hartanya secara rahsia.³⁹

Sebenarnya sedekah itu menambahkan kekayaan, meluaskan hidup, menjauhkan kekurangan dan kesempitan manakala meninggalkan sedekah akan menimbulkan kemiskinan dan menghapuskan kekayaan. Justeru itu seseorang tidak perlu meninggalkan amalan sedekah ini kerana takut dan bimbang menjadi miskin atau hartanya akan berkurangan.⁴⁰

3.4.2 Pinjaman

Pinjaman juga merupakan salah satu dari jenis-jenis pengagihan harta dan Islam menggalakkan orang-orang Islam memberikan pinjaman serta menjadikan ganjaran pahalanya sebagai penebus dosa dengan menambahkan pahala berlipat-ganda. *Qard al-Hasan* atau pinjaman yang baik adalah pinjaman yang dihulurkan oleh seorang Islam yang berada kepada orang Islam lain yang memerlukan pertolongannya kerana menghadapi masalah kewangan yang berat.⁴¹

³⁹ A.Mudjab Mahali (1989), *op.cit.*, hlm. 130 & 131.

⁴⁰ Ḥabīb Abdullah Ḥaddād (1988), terj. Syed Ahmad Semait, *op.cit.*, hlm.158 & 159.

⁴¹ Mahmud Muhammad Babillī (1988), terj. Ismail Mohd. Hassan, *op.cit.*, hlm. 92 & 93.

Allah s.w.t. berfirman dalam surah al-Hadid ayat 11 berbunyi :

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضْعِفَهُ
لَهُ وَلَهُ أَجْرٌ كَرِيمٌ ﴿١١﴾

Maksudnya :

Siapakah yang mau memberi pinjaman kepada Allah s.w.t. dengan pinjaman yang baik, nescaya Allah s.w.t. akan membayar kembali dengan berlipat-ganda dan dia akan memperoleh pula pahala yang besar.

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Hadid ayat 18 berbunyi :

إِنَّ الْمُصْدِقِينَ وَالْمُصَدِّقَاتِ وَأَقْرَضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا
يُضْعَفُ لَهُمْ وَلَهُمْ أَجْرٌ كَرِيمٌ ﴿١٨﴾

Maksudnya :

Sesungguhnya orang-orang yang membenarkan (Allah s.w.t. dan rasul-Nya) baik lelaki atau perempuan dan meminjamkan kepada Allah s.w.t. pinjaman yang baik nescaya akan dilipatgandakan (pembayarannya) kepada mereka.

Allah s.w.t. berfirman dalam surah al-Mâ'idah ayat 12 berbunyi :

وَأَقْرَضُتُمُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا لِّا كُفَّارَنَّ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ
وَلَا دُخُلُّكُمْ جَنَّتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا أَلْأَنْهَرُ فَمَنْ كَفَرَ
بَعْدَ ذَلِيلَكَ مِنْكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَاءَ الْسَّبِيلُ ﴿١٢﴾

Maksudnya :

Dan kamu pinjamkan kepada Allah s.w.t. pinjaman yang baik, sesungguhnya Aku akan menutupi dosa-dosa kamu. Dan sesungguhnya kamu akan Aku masukkan ke dalam syurga yang mengalir di dalamnya sungai-sungai. Maka barangsiapa yang kafir di antara kamu sesudah itu, sesungguhnya ia telah tersesat dari jalan yang lurus.

3.4.3 Menjaga Maruah Dan Kedudukan

Menjaga nama atau maruah dan kedudukan bermaksud seseorang itu membelanjakan hartanya dengan mengadakan undangan jamuan makan atau memberi hadiah dan pertolongan atau lain-lain kepada orang yang berada, terhormat dan berpangkat di kalangan masyarakat. Sumbangan seperti ini tidak dinamakan sedekah kerana sedekah adalah wang atau bantuan yang diserahkan kepada orang yang memerlukannya. Walau bagaimanapun perkara ini ada juga manfaatnya menurut perspektif agama kerana ia mendatangkan faedah melalui perhubungan silaturrahim, persaudaraan dan persahabatan. Hal ini termasuk di dalam perkara-perkara yang menghasilkan pahala yang besar. Terdapat banyak berita dari Rasulullah s.a.w. yang menganjurkan supaya suka memberi hadiah atau mengundang sahabat handai serta mengadakan jamuan tanpa menentukan syarat sama ada kaya ataupun miskin.⁴²

3.4.4 Melindungi Kehormatan Diri

Seseorang yang takut dirinya dicemari dengan kritikan atau kecaman boleh membelanjakan hartanya bagi menyelamatkan dirinya serta menolak bahaya tersebut dari orang yang tidak waras pemikirannya. Walaupun jelas faedah perkara seperti ini hanya kerana kepentingan diri di dunia sahaja namun ia tetap merupakan sebahagian dari perkara agama juga. Ini bertepatan dengan hadis Rasulullah s.a.w. yang menerangkan bahawa sesuatu yang dibuat oleh seseorang

⁴² Al-Ghazālī (1992), *op.cit.*, j. 3, hlm. 348; Al-Ghazālī (1989), terj. Syed Ahmad Semait, *op.cit.*, hlm. 566 & 567; Johari Haji Alias (1994), *op.cit.*, hlm. 53 & 54.

untuk melindungi kehormatan dirinya maka hal itu menjadi suatu sedekah baginya.

Ini disebabkan dengan berbuat demikian seolah-olah seseorang itu telah memelihara diri si pencaci daripada berkata sesuatu yang dusta yang boleh menimbulkan permusuhan antaranya dengan orang itu. Permusuhan akan mencetuskan tindak balas dan dendam yang akhirnya akan mendorong seseorang kepada melampaui batas-batas kesopanan yang ditegah syarak. Menghentikan perbuatan jahat dan sikap permusuhan termasuk sebahagian dari keuntungan keagamaan.⁴³

3.4.5 Khairat, Wakaf Dan Amal Jariah

Harta yang dibelanjakan oleh seseorang untuk mengadakan projek-projek tertentu yang boleh memberi manfaat kepada orang ramai termasuk dalam harta wakaf iaitu harta yang diperuntukkan bagi projek-projek kebajikan untuk kemaslahatan umum. Wakaf atau amal jariah sangat menguntungkan bagi jangkamasa panjang. Pahalanya kekal berpanjangan walaupun selepas meninggal dunia selagimana sumber atau projek itu masih digunakan oleh orang ramai. Ia juga akan memberikan keberkatan serta pahala yang besar disebabkan oleh doa-doa dari orang-orang yang salih ke atasnya.⁴⁴

⁴³ Al-Ghazālī (1992), *loc.cit.*; Al-Ghazālī (1989), terj. Syed Ahmad Semait, *op.cit.*, hlm. 567; Johari Haji Alias (1994), *op.cit.*, hlm. 54.

⁴⁴ Al-Ghazālī (1992), *op.cit.*, j. 3, hlm. 349; Al-Ghazālī (1989), terj. Syed Ahmad Semait, *op.cit.*, hlm. 568; Johari Haji Alias (1994), *op.cit.*, hlm. 55 & 56.

Hadis Rasulullah s.a.w. berbunyi:

حدثنا سليمان بن داود حدثنا إسماعيل أبا العلاء عن
أبيه عن أبي هريرة أن النبي ﷺ قال: «إذا مات الإنسان انقطع عنه عمله إلا
من ثلاثة إلا من صدقة جارية أو علم يتبع به أو ولد صالح يدعوه»

45

Maksudnya:

Sulaimān ibn Dāud menceritakan kepada kami, Ismā’il menceritakan kepada kami, al-‘Alā; memberitakan kepada kami daripada bapanya, daripada Abū Hurairah r.a. berkata, baginda telah bersabda: Apabila seseorang telah meninggal dunia, pahala daripada amalannya akan habis. Tetapi ada tiga perkara yang pahalanya akan sampai kepadanya selepas mati. Pertama ialah sedekah jariah, kedua ilmu yang dapat menyampaikan faedah kepada orang lain dan ketiganya pula ialah doa anak-anak yang salih untuk ibu bapanya”.

Hadis Rasulullah s.a.w. yang disampaikan oleh Abū Hurairah r.a. menerangkan bahawa apabila mati seseorang mukmin terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu wakaf atau sedekah yang berkekalan; ilmu yang berguna dan anak yang salih yang berdoa untuk ibu bapanya. Berdasarkan kepada hadis ini ternyata bahawa wakaf itu mempunyai ganjaran yang besar iaitu lebih besar daripada sedekah biasa. Institusi wakaf memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat Islam di segenap masa dan peringkat.⁴⁶

Wakaf ini berasaskan daripada Sayyidina ‘Umar r.a. yang memperolehi sebidang tanah di Khaibar kemudian beliau bersedekah dengannya, dengan syarat

⁴⁵ Ahmad ibn Muhammad ibn Ḥanbal (1995), *al-Muṣnād*, j. 9. Qāherah: Dār al-Ḥadīs, hadis no. 8830, hlm. 21.

⁴⁶ Haron Din et.al (1988), *Manusia dan Islam*, cet. 4. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd., hlm. 470.

tidak dijual pokoknya, tidak dihibahkan dan tidak diwariskan.⁴⁷ Harta wakaf mestilah mempunyai ciri-ciri berikut iaitu jelas jenis dan pemilikannya, dari jenis yang dihalalkan Islam, bersifat kekal fizikalnya, tidak boleh digunakan untuk tujuan lain selain dari yang disyaratkan, harta wakaf yang tidak disebut penggunaannya digunakan selaras dengan kehendak syarak dan hasil dari harta wakaf adalah untuk faedah umum atau khusus.⁴⁸

Selain daripada itu, cara penggunaan aset menurut perspektif Islam juga termasuklah derma, hibah, meratakan jalan, membangunkan hospital, memberi biasiswa kepada pelajar miskin yang pintar dan lain-lain lagi. Segala kaedah yang telah digariskan Islam ini bertujuan untuk memupuk serta menganjurkan umatnya agar saling bantu membantu, sayang menyayangi dan kasih mengasihi sesama mereka.

3.5 CONTOH-CONTOH PENGHAYATAN *AL-SAKHĀ'*

Rasulullah s.a.w. adalah orang yang paling mulia,⁴⁹ dermawan, berani,⁵⁰ penyabar, adil dan pemaaf.⁵¹ Kedermawanan Rasulullah s.a.w. tidak dapat

⁴⁷ Mahmud Muhammad Baadly (1994), terj. H. Abdul Hadi M.A., *Pengurusan dan Penyelewengan Harta dalam Pandangan Islam*. Kuala Lumpur: Dinie Publisher, hlm. 128.

⁴⁸ Baharuddin Sayin, "Pentadbiran dan Pengurusan Harta Wakaf di Semenanjung Malaysia" dalam *Jurnal Fikrah*, jilid 1, terbitan Unit Pendidikan Islam, Pusat Pendidikan Persediaan. Institut Teknologi MARA (sekarang Universiti Teknologi MARA Seksyen 17), Januari 1998. hlm. 92.

⁴⁹ Manshūr Ali Nashif (1994), terj. Bahrun Abu Bakar L.C., *Mahkota Pokok-pokok Hadis Rasulullah s.a.w.* Bandung, j. 3: Penerbit Sinar Baru Algensindo, hlm. 728.

⁵⁰ *Ibid.*; Al-Qāsimī (1994), *op.cit*, hlm. 253.

⁵¹ *Ibid.*

ditandingi. Baginda merasa ketakutan apabila terdapat harta di rumah yang belum dibahagikan. Ketika baginda wafat tidak ada harta yang diwariskan kepada keluarganya.⁵² Anas r.a. mengatakan bahawasanya Rasulullah s.a.w. apabila diminta sesuatu demi kepentingan Islam maka baginda sentiasa memberikannya. Suatu ketika seorang Badwi datang kepada Rasulullah s.a.w. meminta sesuatu daripadanya. Maka baginda memberikan kepada orang itu kambing yang banyak daripada kambing-kambing yang disedekahkan sehingga memenuhi di antara dua lembah bukit. Orang Badwi itu segera pulang kepada kaumnya dan berkata : "Wahai kaumku sekalian! Islamlah kamu sekalian kerana Muhammad benar-benar memberikan pemberian seakan-akan orang yang tidak takut menjadi miskin".⁵³

Ummahat al-Mukminin merupakan isteri-isteri yang patuh kepada perintah Rasulullah s.a.w. dan menteladani tabiat baginda terutamanya dari segi kemurahan hati baginda. Mereka memberi semua yang ada pada mereka kepada orang yang memerlukan.⁵⁴ Sayyidatina Khadijah Umm al-Mukminin telah menyerahkan semua harta kekayaannya kepada Rasulullah s.a.w. untuk dibelanjakan dan dikorbankan untuk keperluan Rasulullah s.a.w., dakwah

⁵² Muhammad Syafique (ed.) (1995), *Rasulullah s.a.w. Sebagai Hamba Allah, Pemimpin, Pendakwah, Sahabat, Bapa dan Suami*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publisher, hlm. 189.

⁵³ Al-Ghazālī (1989), terj. Syed Ahmad Semait, *op.cit.*, hlm. 572; Muhammad ibn Muhammad Abū Syuhbah (1992), *al-Sirah al-Nabawiyah fi Dau' al-Qurān wa al-Sunnah*, j. 2, cet. 2. Damsyik: Dār al-Qalam, hlm. 649.

⁵⁴ Afzalur Rahmān (1993), terj. Norhayati Mohd. Nor et.al. *Muhammad s.a.w.: Ensiklopedia Sirah Insan Kamil*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 220.

Islamiah dan demi kepentingan umat Islam.⁵⁵ Jasa dan pengorbanan beliau terhadap perjuangan Rasulullah s.a.w. menyebarkan syiar Islam menyebabkan baginda tidak dapat melupakan walaupun selepas kewafatannya. Pernah baginda menyebut dan memujinya di depan Sayyidatina 'Aisyah r.a. : "Dia yang pertama beriman disaat orang lain mengingkari, mencemuh dan mendustakanku. Dia pula yang menolongku dengan hartanya disaat orang lain mengharamkan milik mereka untukku. Dari dia pulalah aku mendapatkan keturunan, disaat isteri-isteriku yang lain tidak memberiku seorang anak pun"⁵⁶.

Begitu juga dengan Sayyidatina Saudah Umm al-Mukminin, terkenal sebagai seorang yang bersifat pemurah, suka bersedekah dan menderma di kalangan para isteri Rasulullah s.a.w. dan kaum muslimin umumnya. Sejarah mencatatkan bahawa pada waktu kewafatannya, beliau tidak meninggalkan harta yang masih menjadi miliknya walau sedikitpun kerana kesemua hartanya telah dibahagi-bahagikan kepada sesiapa yang memerlukannya semasa beliau masih hidup. Sifat pemurah Sayyidatina Saudah r.a. jarang didapati pada wanita lain di zamannya malah para isteri Rasulullah s.a.w. yang lain turut merasa kagum dengan sifatnya ini.⁵⁷

⁵⁵ Abul Hasan Ali al-Hasany al-Nadwy (1984), terj. Bey Arifin & Yunus Ali Muhdhar, *Riwayat Hidup Rasulullah s.a.w.*, cet. 2. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., hlm. 117; Abu Qamar Salahuddin (1997), *Jalan Hidup Lelaki dan Wanita Teladan*. Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas, hlm. 150; Muhammad Ibrahim Sulaiman (1995), *Wanita-wanita yang Sangat Dikasihi Nabi s.a.w.* Batu Caves, Selangor: Pustaka Ilmi, hlm. 63; Abdul Wahab Hamudah (2000), *Teladan Rasulullah di Dalam Kekeluargaan dan Rumah tangga*, cet. 2. Batu Caves, Selangor: Pustaka Ilmi, hlm. 33; Afzalur Rahmān (1993), terj. Norhayati Mohd. Nor *et.al. op.cit.*, hlm. 225; Johari Haji Alias (1994), *loc.cit.*

⁵⁶ Abu Qamar Salahuddin (1997), *op.cit.*, hlm. 151; Nur Ashiqah (penyusun) (1995), *Kisah-kisah Muslimah Teladan*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, hlm. 113.

⁵⁷ Akmal Haji Mhd. Zain & Mohd. Shafwan Amrullah (penyusun) (1989), *Ummahatul Mukminin : Isteri-isteri Rasulullah s.a.w.*, cet. 2. Kuala Lumpur: Pustaka al-Mizan, hlm. 28 & 29.

Sayyidina Abū Bakr al-Šiddīq r.a. menggunakan hartanya untuk membela golongan lemah dan orang-orang yang tidak mampu serta orang yang telah mendapat petunjuk Allah s.w.t. ke jalan yang benar tetapi dianiaya oleh musuh-musuh kebenaran tersebut. Ketika beliau menganuti Islam, harta yang dimilikinya tidak kurang dari empat puluh ribu dirham yang disimpannya dari hasil perdagangan dan semasa dalam Islam beliau terus bermiaga serta mendapat keuntungan yang besar. Tetapi setelah sepuluh tahun berhijrah ke Madinah, hartanya itu hanya tinggal lima ribu dirham. Semua harta yang dia miliki akhirnya habis dibelanjakan untuk kepentingan dakwah, mengajak orang ke jalan Allah s.w.t., untuk agama dan Rasul-Nya. Antara lain kekayaannya itu telah digunakan untuk menebus orang-orang yang lemah dan hamba-hamba yang memeluk Islam yang disiksa oleh tuannya kerana memeluk Islam. Contohnya Bilāl ibn Rabah, ‘Amir ibn Fuhairah dan lain-lain lagi.⁵⁸

Diriwayatkan pada suatu hari Sayyidina ‘Ali k.w. menangis sambil berlinangan airmata. Apabila ditanya kenapa beliau menangis, beliau menjawab kerana dalam masa tujuh hari yang lalu tidak ada seorang tetamu pun datang ke rumahnya. Jadi beliau merasa bimbang jika Allah s.w.t. telah mensia-siakannya. Maksudnya ialah Sayyidina ‘Ali k.w. tidak dapat bersedekah makanan atau sesuatu apabila tiada tetamu datang maka inilah yang menyebabkan beliau menangis.⁵⁹

⁵⁸ Muhammad Husain Haekal (1996), terj. Ali Audah, *Abu Bakar as-Siddiq: Sebuah Biografi dan Studi Analisis Tentang Permulaan Islam Sepeninggalan Nabi*. Kuala Lumpur: Penerbit Victory Agencie, hlm. 7 & 8.

⁵⁹ Al-Ghazālī (1989), terj. Syed Ahmad Semait, *op.cit.*, hlm. 575; Johari Haji Alias (1994), *op.cit.*, hlm. 83.

Diriwayatkan oleh Zaid ibn Aslam r.a., dia berkata : “Ketika turun surah al-Hadid (57): 11 yang bermaksud: “Siapakah yang mahu memberikan hutang yang baik kepada Allah s.w.t.””, berkata Abū Dahdah : “Ayah dan ibuku menjadi tebusan tuan wahai Rasulullah! Sesungguhnya Allah s.w.t. meminta hutang hutang padahal Dia tidak memerlukan hutang”? Rasulullah s.a.w. menjawab : “Ya, Allah s.w.t. ingin memasukkan kamu ke dalam syurga”. Abū Dahdah berkata “Apakah saya telah memberi hutang kepada Tuhanmu yang menjamin syurga bagi saya dan anak-anak saya?” Baginda menjawab : “Ya”. Abū Dahdah berkata : “Berikan tangan tuan kepada saya!” Maka Rasulullah s.a.w. memberikan tangannya. Berkata Abū Dahdah : “Saya mempunyai dua buah kebun. Demi Allah s.w.t., hanya itu yang saya miliki dan saya berikannya sebagai hutang kepada Allah s.w.t.”. Rasulullah s.a.w. berkata: “Berikan salah satunya kepada Allah s.w.t. dan yang lain biarkan bagi penghidupan kamu dan anak-anak kamu”. Abū Dahdah berkata: “Saya jadikan tuan sebagai saksi wahai Rasulullah bahawa saya telah memberikan kebun yang terbaik kepada Allah s.w.t. iaitu kebun yang berisi 600 pohon kurma”. Rasulullah s.a.w. berkata : “Jika begitu Allah s.w.t. akan membalasmu dengan syurga”. Kemudian Abū Dahdah pergi menemui Ummi Dahdah yang sedang berada bersama-sama anak-anaknya di kebun berjalan-jalan di bawah pohon kurma. Maka Ummi Dahdah berkata : “Beruntunglah penjualan kekanda! Semoga Allah s.w.t. memberkati kekanda dalam pembelian kekanda. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: Betapa banyak pohon kurma yang lebat buahnya dan rumah yang luas milik Abū Dahdah”, yakni di syurga”.⁶⁰

⁶⁰ Al-Qardhāwi (1989), terj. Zeid Husein al-Hamid, *Berita Iman dalam Kehidupan*. Kuala Lumpur: Victory Agencie, hlm. 292 – 294.

Imam Shāfi'e juga adalah seorang yang pemurah walaupun beliau bukannya orang yang berada. Rabi' ibn Sulaimān menceritakan bahawa pada suatu ketika datang seorang miskin lalu memegang pelana kuda Imam Shafī'e, maka Imam Shāfi'e menyuruhnya memberikan sebanyak empat dinar kepada orang miskin tadi dan memohon maaf kepadanya kerana tidak dapat memberikan lebih dari itu.⁶¹

Abū Mursad pula merupakan seorang yang pemurah dan beliau telah dipuji oleh sebahagian penyair. Maka beliau mengatakan kepada penyair itu bahawa beliau tidak ada sesuatupun yang dapat diberikan kepadanya dan menyuruh penyair itu membawanya kepada hakim serta membuat pendakwaan bahawa beliau berhutang sebanyak sepuluh dirham kepadanya. Apabila beliau mengaku tentang kepunyaan si penyair itu, maka beliau hendaklah ditahan. Sesungguhnya kaum keluarganya tidak akan membiarkannya ditahan. Penyair itu pun berbuat demikian. Maka sebelum hari petang beliau telah menerima wang sebanyak sepuluh ribu dirham dan Abū Mursad dibebaskan dari tahanan.⁶²

Sayyidina 'Umar r.a. menceritakan bahawa seorang lelaki daripada sahabat Rasulullah s.a.w. telah dihadiahkan kepala kambing. Lalu sahabat itu mengatakan bahawa rakannya lebih memerlukan kepada kepala kambing itu daripadanya dan dikirimkan kepala kambing tersebut kepada rakannya. Maka berterusanlah masing-masing mengirimkan kepala kambing itu kepada yang lain sehingga berkeliling sampai tujuh tempat dan kembali lagi ke tempat pertama.

⁶¹ Al-Ghazālī (1992), *op.cit.*, j. 3, hlm. 370; Al-Ghazālī (1989), terj. Syed Ahmad Semait, *op.cit.*, hlm. 575; Johari Haji Alias (1994), *op.cit.*, hlm. 82 & 83.

⁶² Al-Ghazālī (1992), *op.cit.*, j. 3, hlm. 365.

Diriwayatkan bahawa telah datang seorang peminta kepada Syu'bah dan pada ketika itu Syu'bah tidak memiliki sesuatupun. Lalu beliau membuka sepotong papan dari atap rumahnya dan diberikannya kepada peminta tersebut. Kemudian beliau memohon maaf kepadanya.⁶³

Pada tahun 1999 seorang pemuda, Wan Hafizam Wan Ismail telah melakukan satu pengorbanan yang suci dengan mendermakan sebahagian hatinya kepada seorang kanak-kanak, Mohd Afiq Iqmal Mohd Zain.⁶⁴ Begitu juga dengan Mariam Soraya Mohd Harith Holder yang telah menyerahkan satu daripada buah pinggangnya kepada suaminya Mohd Asnawi Mutaal.⁶⁵

Mudah-mudahan kisah para dermawan ini dapat memberikan teladan dan dorongan kepada seluruh umat Islam. Seseorang muslim tidak perlu memiliki harta yang banyak untuk menjadi orang yang pemurah kerana segala aset yang dikurniakan kepadanya sama ada ia berbentuk material, fizikal, intelektual atau spiritual boleh diperguna dan dimanfaatkan.

⁶³ *Ibid.*, j. 3, hlm. 379.

⁶⁴ Saharom Abd Aziz, "Giatkan Kempen Pendermaan Organ", *Dewan Masyarakat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, jilid 39, Jun 2001, hlm. 4.

⁶⁵ Nur Faizah Abdul Wahab, "Menderma Buah Pinggang kepada Suami Sendiri", *Dewan Masyarakat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, jilid 39, Jun 2001, hlm. 13.